

30 OCT 1998

Mahathir-Keamanan

RAKYAT HARUS KEKALKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru rakyat agar terus mengekalkan keamanan dan kestabilan dalam negara, bagi membantu memulihkan ekonomi negara dengan lebih cepat.

Dr Mahathir berkata, beliau percaya usaha-usaha memulihkan ekonomi dapat dilakukan melalui kerjasama di kalangan rakyat.

"Rakyat tak harus mencetuskan huru-hara dengan tidak tentu hala di dalam negara, kerana kalau negara terus aman maka pemulihan ekonomi dapat dibuat dengan lebih cepat," katanya ketika berucap pada majlis Malam Darul Aman sempena 90 tahun Kolej Sultan Abdul Hamid, di sini malam ini.

Beliau berkata rakyat juga harus bersyukur kerana walaupun dilanda kegawatan ekonomi, namun keadaan di dalam negara tidak seburuk yang dialami oleh sesetengah negara lain.

"Kita tak boleh "take things for granted" kerana kalau tidak kita juga akan mengalami nasib yang sama," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat harus mengambil iktibar daripada masalah yang dihadapi oleh rakyat di sesetengah negara lain, yang memburukkan keadaan negara masing-masing dengan bertindak ganas, apabila tidak berpuas hati dengan sesuatu perkara, seperti pengurangan gaji.

"Tapi Alhamdulillah walaupun negara kita ada berlaku sedikit keganasan, tapi tidak mencapai tahap seperti di negara-negara lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan masih mampu menguruskan pentadbiran negara, walaupun turut mengalami masalah hutang negara yang berjumlah RM16 bilion.

"Kita di Malaysia masih dapat kawal keadaan walaupun kerajaan tidak begitu banyak duit," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Syed Ahmad Shahabudin dan isteri, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan isteri, dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

WNZ RI